

KEPEKAAN TERHADAP ISU SEMASA PENDIDIKAN DALAM KALANGAN PELAJAR FAKULTI PENDIDIKAN, UTM, SKUDAI.

Sayed Mahussain Sayed Ahmad & Siti Mariam Aini Bt Muhammad
Fakulti Pendidikan,
Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak: Kajian ini bertujuan untuk mengetahui persepsi pelajar Fakulti Pendidikan UTM, Skudai terhadap isu semasa pendidikan. Di samping itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengenalpasti cara pelajar mendapatkan maklumat berkaitan isu semasa pendidikan dan faktor-faktor yang mendorong mereka peka terhadap isu semasa pendidikan. Seramai 137 orang responden melibatkan pelajar tahun 4 Fakulti Pendidikan yang terdiri dari lima kursus iaitu Ijazah Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Pengajian Islam-SPI), Ijazah Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Kem. Hidup-SPH), Ijazah Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Sains-SPN), Ijazah Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Sukan-SPS) dan Ijazah Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Tesl-SPL). Instrumen kajian yang digunakan berbentuk soal selidik yang mengandungi 34 item soalan. Data yang diperolehi dianalisis secara deskriptif bagi mendapatkan nilai kekerapan, peratusan dan min menggunakan perisian Statistical Package for Social Science 14.0 for Windows. Hasil kajian rintis menunjukkan nilai Cronbach's Alpha $\alpha=0.741$. Secara keseluruhannya persepsi pelajar terhadap isu semasa pendidikan berada pada tahap min yang tinggi iaitu 4.13. Ini diikuti dengan cara pelajar mendapatkan maklumat berkaitan isu semasa pendidikan dengan nilai min 3.97. Kebanyakan responden juga bersetuju dengan faktor-faktor yang mendorong mereka peka terhadap isu semasa pendidikan dengan nilai min 4.00. Pada akhir kajian disertakan beberapa cadangan sebagai panduan dan tindakan pihak-pihak tertentu. Kajian lanjutan juga turut dicadangkan untuk penyelidikan pada masa akan datang.

Abstract: The aim of this study is to identify the perception of students from Faculty of Education, UTM, Skudai toward the educational issues. Besides that, the purpose this study also to find out the way the students gather the information about the educational issues and the factors that encourage them to aware on the educational issues. This study involved 137 fourth year students of Faculty of Education from five courses which are Ijazah Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Pengajian Islam-SPI), Ijazah Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Kem. Hidup-SPH), Ijazah Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Sains-SPN), Ijazah Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Sukan-SPS) dan Ijazah Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Tesl-SPL). The study instrument used in this study was in a form of questionnaire that contained of 34 items. Pilot study showed that Cronbach's Alpha at $\alpha=0.741$. Data gathered was analyzed descriptively to obtain the frequency, percentage and mean by using Statistical Package for Social Science 14.0 for Windows. Overall, students' perceptions towards the educational issues were at high level of mean which is 4.13. This is followed by the way the students gather information related to the educational issues with the mean value 3.97. Most of the students also "agree" with the factors that influenced them to be aware on the educational issues with the mean value 4.00. At the end of the study, a few suggestions had been made as guidance and further action from other parties. Suggestions also had been proposed for further research in the future.

Katakunci: isu semasa, pendidikan

Pengenalan

Pendidikan negara sebenarnya telah mengalami evolusi sejajar dengan pembangunan dan kemampuan negara. Persoalan pendidikan di Malaysia merupakan satu agenda diberi perhatian terutamanya dalam sistem pendidikan kebangsaan. Perkembangan pendidikan negara yang seiring dengan kemajuan

teknologi dunia menjadikan kuantiti dan kualiti anak-anak didik negara berada pada tahap yang membanggakan. Dalam memartabatkan sistem pendidikan negara, pelbagai pelaksanaan bentuk sistem pendidikan dilaksanakan.

Antara isu semasa pendidikan yang dipaparkan adalah merangkumi pelbagai aspek seperti disiplin dan jenayah, sistem pendidikan, organisasi pendidikan, dan lain-lain lagi. Isu semasa pendidikan yang melibatkan aspek organisasi antaranya isu berkaitan institusi bumiputera iaitu UiTM. Isu ini hangat berlaku pada Julai 2008, akhbar Utusan Malaysia yang bertajuk "UiTM tidak boleh dibuka kepada kaum lain". Isu ini membicarakan berkaitan hak keistimewaan orang Melayu dalam institusi UiTM bagi melahirkan modal insan Melayu kelas pertama. Kandungan isu tegas mengutarakan hak orang Melayu akan tetap dipertahankan bagi melahirkan lebih ramai modal insan Melayu kelas pertama.

Pernyataan Masalah

Oleh kerana kajian ini dibuat berkaitan 'Kepekaan terhadap isu semasa dalam kalangan pelajar Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai', maka penyelidik berminat untuk mengetahui tahap kepekaan pelajar Fakulti Pendidikan iaitu bakal guru terhadap isu semasa pendidikan. Ini kerana pengetahuan terhadap isu semasa pendidikan amat penting kepada bakal guru khususnya apabila telah menceburi bidang tersebut kelak. Melalui kepekaan dan pengetahuan tersebut, ia membantu para bakal pendidik dalam pembentukan dan perkembangan minda, sahsiah dan rohani yang seimbang.

Oleh yang demikian, kesedaran golongan pendidik khususnya bakal guru perlu dipupuk dari awal antaranya melalui kepekaan mereka terhadap isu-isu semasa pendidikan yang penuh dengan warna-warninya dalam pembentukan masyarakat dan negara yang optimis dan berdaya saing.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini ialah untuk :-

1. Mengetahui persepsi pelajar Fakulti Pendidikan, UTM, terhadap isuisu semasa dalam pendidikan.
2. Mengenalpasti cara mendapatkan maklumat berkaitan isu-isu semasa pendidikan dalam kalangan pelajar Fakulti Pendidikan, UTM.
3. Mengenalpasti faktor yang mendorong kepekaan pelajar Fakulti Pendidikan, UTM terhadap isu-isu semasa pendidikan negara.

Kepentingan Kajian

Penghasilan kajian ini adalah bertujuan untuk mengetahui tahap kepekaan pelajar Fakulti Pendidikan, UTM terhadap isu-isu semasa pendidikan. Berdasarkan kajian secara rambang, penyelidik mendapati tiada satu kajian dijalankan berkaitan dengan isu semasa pendidikan. Oleh kerana itu, penyelidik ingin mengetahui tahap kepekaan pelajar fakulti pendidikan yang akan bergelar guru kelak dalam membincangkan isu semasa pendidikan. Melalui kajian ini, diharapkan kesedaran pelajar Fakulti Pendidikan berkaitan isu-isu semasa pendidikan negara dapat dipertingkatkan bagi melahirkan bakal pendidik yang berkualiti dan berwawasan.

Batasan Kajian

Kajian ini mengkaji berkaitan tahap kepekaan pelajar Fakulti Pendidikan, UTM, Skudai terhadap isu semasa pendidikan negara. Responden kajian hanya ditumpukan kepada pelajar Fakulti Pendidikan mengikut beberapa kursus tertentu. Penyelidik memilih 5 kursus iaitu SPI, SPH, SPS, SPN dan SPL yang kesemuanya merupakan pelajar tahun empat Fakulti Pendidikan, UTM, Skudai sesi 2008/2009.

Penyelidik memilih pelajar Fakulti Pendidikan adalah kerana mereka merupakan bakal pendidik yang akan menempuhi pelbagai cabaran dunia pendidikan kelak yang sewajarnya peka terhadap isu-isu semasa pendidikan. Melalui pemilihan responden daripada pelbagai kursus, ia dijangka dapat melihat perbezaan tahap kepekaan pelajar Fakulti Pendidikan, UTM, Skudai terhadap isu-isu semasa pendidikan.

Metodologi

Populasi dan Sampel Kajian

Populasi bermaksud semua ahli dalam kelompok individu yang akan diselidik. Populasi kajian ini terdiri daripada pelajar-pelajar tahun akhir iaitu pelajar tahun empat Fakulti Pendidikan, UTM, Skudai sesi 2008/2009. Sampel diambil daripada keseluruhan populasi. Penggunaan keseluruhan populasi adalah bagi memastikan tiada ralat pensampelan yang berlaku. Dalam kajian ini, sampel adalah seramai 137 orang pelajar yang dipilih daripada kalangan pelajar tahun empat Fakulti Pendidikan, UTM, Skudai iaitu daripada 308 jumlah populasi yang dikaji.

Instrumen Kajian

Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan dua jenis data sebagai sumber untuk menyiapkan kajian iaitu menggunakan data primer dan data sekunder. Kedua-dua data ini bersifat saling melengkapi agar kajian ini dapat disiapkan dengan jayanya.

1. Pengumpulan Data Primer

Instrumen yang digunakan oleh penyelidik dalam kajian ini ialah kaedah soal selidik. Penyelidik menggunakan set soal selidik untuk diedarkan kepada pelajar-pelajar tahun empat Fakulti Pendidikan, UTM, Skudai sesi 2008/2009. Set soal selidik ini dibahagikan kepada 4 bahagian iaitu bahagian A, bahagian B, bahagian C dan bahagian D yang menghendaki responden menjawab kesemua soalan. Pada bahagian A mengandungi 6 item soalan berkaitan latar belakang responden. Manakala bahagian B, bahagian C dan bahagian D mengandungi 34 item soalan berkaitan persoalan kajian. Soal selidik yang digunakan adalah soal selidik yang dibina oleh penyelidik sendiri. Menurut Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999: 40), penyelidik boleh menggunakan instrumen yang telah dibina oleh orang lain atau membina instrumen sendiri. Berikut merupakan ciri-ciri item yang terdapat pada setiap bahagian:-

Bahagian A:

Dalam bahagian A set soal selidik ini, penyelidik memuatkan 6 soalan berkaitan dengan latar belakang responden seperti jantina, umur, kursus, aliran pendidikan terakhir, kelayakkan pendidikan tertinggi dan keputusan CGPA sem 1 2008/2009.

Bahagian B:

Bahagian B berkaitan persepsi pelajar Fakulti Pendidikan, UTM terhadap isu semasa pendidikan. Sebanyak 12 soalan dikemukakan pada bahagian ini.

Bahagian C:

Dalam bahagian C pula, ia memasukkan 10 soalan berkaitan cara untuk mendapatkan maklumat berkaitan isu semasa pendidikan.

Bahagian D:

Manakala bahagian D pula, mengandungi 12 soalan berkaitan faktor-faktor yang mendorong kepada kepekaan terhadap isu semasa pendidikan.

Ketiga-tiga bahagian persoalan tersebut iaitu bahagian B, bahagian C dan bahagian D menggunakan skala Likert untuk membuat pengukuran bagi menggambarkan pandangan pelajar terhadap pernyataan yang diberikan. Penyelidik menggunakan skala Likert sebagai alat ukur soal selidik untuk membantu responden membuat pilihan jawapan dari satu tahap ke satu tahap yang lebih tinggi. Menurut Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999: 97), penggunaan skala Likert menghendaki responden menandakan jawapan-jawapan mereka tentang sesuatu kenyataan berdasarkan satu skala dari satu ekstrem kepada satu ekstrem yang lain.

2. Pengumpulan Data Sekunder

Untuk mendapatkan maklumat-maklumat tertentu, data-data sekunder yang relevan diperlukan bagi menyokong huraian. Data-data ini diperoleh melalui bukubuku, surat khabar dan penyelidikan lepas yang berkaitan dengan kajian.

Kajian Rintis

Kajian rintis adalah kajian awal yang dijalankan sebelum menjalankan kajian sebenar. Menurut Mohamad Najib Abdul Ghafar (2003: 159), tujuan utama diadakan kajian rintis adalah untuk menentukan keesahan dan kebolehpercayaan instrument kajian. Kajian rintis telah dijalankan kepada 10 orang responden untuk mendapatkan maklum balas berkaitan dengan item soal selidik untuk mendapatkan keesahan dan kebolehpercayaan. Sampel kajian rintis ini ialah pelajar tahun tiga Fakulti Pendidikan, UTM, Skudai. Pemilihan sampel kajian rintis ini berdasarkan ciri-ciri yang sama dengan sampel sebenar iaitu mereka mempunyai pengetahuan yang sama dengan responden sebenar. Penyelidik memilih sampel kajian rintis secara rawak mudah. Bagi mencari nilai Alpha Cronbach, pekali kebolehpercayaan bagi kajian rintis ini dituturkan dengan menggunakan perisian komputer Statistical Package for Social Science (SPSS) 14.0 for Windows. Berdasarkan analisis yang telah dibuat, alpha yang diperolehi dari kajian rintis ini ialah 0.741.

Perbincangan

Perbincangan Mengenai Latar Belakang Responden

Kajian ini melibatkan pelajar tahun empat Fakulti Pendidikan di UTM, Skudai sesi 2008/2009. Keseluruhan responden berjumlah 137 orang yang terdiri daripada 5 kursus iaitu SPI, SPH, SPN, SPS dan SPL. Pemilihan 5 kursus ini adalah dilakukan secara rawak mudah.

Berdasarkan dapatan kajian yang telah dijalankan, taburan bagi item jantina menunjukkan seramai 39 orang responden iaitu 28.5% terdiri daripada pelajar lelaki. Manakala seramai 98 orang responden iaitu 71.5% merupakan pelajar perempuan. Hasil dapatan menunjukkan pelajar perempuan lebih ramai daripada pelajar lelaki. Perbezaan ini terjadi kerana penyelidik tidak menetapkan bilangan jantina responden. Malahan, jika dilihat secara kasar jumlah pelajar lelaki adalah kurang berbanding pelajar perempuan kerana sememangnya pelajar perempuan lebih cenderung terlibat dengan kursus pendidikan ini. Tambahan pula, persekitaran dunia pendidikan kini memperlihatkan kepada kita bahawa golongan perempuan merupakan golongan majoriti yang dapat menempatkan diri di institusi-institusi pengajian tinggi di Negara kita.

Jika dilihat peratusan responden mengikut umur, kebanyakan responden adalah berumur antara 20 tahun hingga 25 tahun iaitu seramai 109 orang yang bersamaan 79.6%. Ini kerana majoriti pelajar tahun empat terdiri daripada pelajar lepasan STPM dan Matrikulasi sebelum memasuki UTM. Manakala selebihnya merupakan responden yang berumur antara 26 tahun hingga 30 tahun, seramai 28 orang iaitu sebanyak 20.4%. Kebanyakan mereka tersebut merupakan pelajar lepasan Diploma.

Dapatan kajian mengikut kursus pula menunjukkan 34 orang responden iaitu sebanyak 24.8% adalah dari kursus SPI, 45 orang responden iaitu 32.8% dari SPH, dan 18 orang responden iaitu 13.1% dari kursus SPN. Diikuti pula 20 orang iaitu 14.6% masing-masing dari kursus SPS dan SPL. Ini menunjukkan bahawa responden yang paling ramai terdiri dari kursus SPH. Keadaan ini berikutan jumlah populasi bagi SPH menunjukkan bilangan yang paling ramai berbanding 4 kursus lain. Ini seterusnya menjadikan hasil dapatan data yang tertinggi juga diperolehi dari kursus SPH.

Bagi dapatan kajian aliran pendidikan terakhir pula, majoriti responden yang terpilih adalah dari aliran Sekolah Menengah Kebangsaan iaitu seramai 78 orang bersamaan 56.9%. Kemudian diikuti seramai 24 orang responden iaitu sebanyak 17.5% dari aliran Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA). Manakala yang selebihnya dari beberapa jenis aliran sekolah sebagaimana yang telah dinyatakan dalam borang soal selidik. Majoriti menunjukkan responden terdiri dari aliran SMK adalah kerana kebanyakan responden dari kursus SPH iaitu merupakan jumlah responden yang paling ramai. Begitu juga, kebanyakan responden dari kursus-kursus yang lain seperti SPN, SPS dan SPL. Manakala kesemua responden dari kursus SPI merupakan responden dari aliran agama seperti SMKA dan SMA.

Analisis seterusnya adalah berkaitan kelayakkan pendidikan sebelum memasuki UTM. Majoriti responden berkelulusan STPM yang berjumlah 58 orang iaitu 42.3%. Manakala seramai 41 orang iaitu 29.9% dari lulusan Diploma. Ini diikuti pula dari lulusan Matrikulasi seramai 36 orang iaitu 26.3%. Manakala hanya 2 orang iaitu 1.5% yang mengambil STAM. Kebanyakan responden yang terpilih merupakan mereka yang berkelulusan STPM dan Diploma. Ini bersangkutan juga dengan bilangan responden yang tertinggi. Kebanyakan responden yang dari lulusan STPM adalah dari kursus SPH dan SPI. Kedua-dua kursus ini merupakan mereka yang mencatatkan bilangan paling ramai dan merupakan jumlah sampel yang paling besar berbanding kursus-kursus lain.

Melalui keputusan CGPA terakhir juga, penyelidik dapat melihat sejauh mana tahap kecemerlangan akademik responden yang bakal bergelar guru ini. Penyelidik merasakan adalah penting seseorang yang bakal mendidik anak bangsa mempunyai tahap pengetahuan yang cemerlang dan membanggakan bagi melahirkan anak-anak bangsa yang cerdik pandai. Melalui penentuan CGPA terakhir juga ia mempunyai signifikannya dengan 3 objektif persoalan kajian. Ini dapat dilihat responden bukan sahaja seorang yang mengikuti pendidikan semasa sebagai bakal guru, malah mereka merupakan seorang yang cerdas dan cemerlang dari segi pencapaian akademik. Ini dapat dibuktikan melalui keputusan CGPA terakhir mereka yang menunjukkan majoriti adalah berkedudukan baik iaitu seramai 116 orang responden bersamaan 84.7% memperoleh CGPA antara 3.00-3.69 dan seramai 20 orang mendapat keputusan antara 3.70-4.00 iaitu 14.6%. Manakala hanya 0.7% iaitu seorang sahaja yang mendapat antara 2.30-2.99.

Perbincangan Mengenai Persepsi Pelajar Berkaitan Isu Semasa Pendidikan

Berdasarkan objektif kajian berkaitan persepsi pelajar Tahun 4 Fakulti Pendidikan UTM Skudai, terhadap isu semasa semasa pendidikan, dapatan kajian menunjukkan bahawa responden memberikan maklumbalas yang baik. Ini berdasarkan purata nilai min bagi 12 item soalan ialah 4.13.

Hasil kajian menunjukkan sebahagian besar responden memberikan jawapan positif terhadap persoalan kajian pertama ini iaitu berkaitan persepsi mereka terhadap isu semasa pendidikan. Item 10 mencatatkan nilai min yang tertinggi iaitu 4.36. Kandungan item ini memperkatakan bahawa isu semasa pendidikan penting dalam bidang profesion perguruan. Seramai 133 orang responden iaitu sebanyak 97% bersetuju mengatakan isu pendidikan semasa penting dalam profesion perguruan. Dapatan ini menggambarkan bahawa kerjaya sebagai seorang guru, memerlukan keprihatinan mereka terhadap isu-isu semasa pendidikan. Ini kerana isu-isu semasa pendidikan adalah satu keperluan dalam kerjaya mereka sebagai seorang guru kelak. Berdasarkan pendapat yang dikemukakan Dr. Tajul Ariffin bin Noordin et al. (1992:55), guru adalah individu yang akan menghayati dan merealisasikan matlamat pendidikan.

Nilai min kedua tertinggi pula dicatat pada item 4 dan 12 iaitu masing-masing bernilai 4.32. Bagi pernyataan item 4; sebagai seorang guru, mereka perlu sentiasa mengikuti perkembangan isu semasa pendidikan. Manakala bagi pernyataan item 12; Falsafah Pendidikan Kebangsaan perlu difahami oleh semua bakal guru. Perbezaan dari segi jumlah responden yang bersetuju hanya seorang sahaja bagi kedua-dua item ini. Item 4 mencatatkan seramai 128 orang bersetuju diikuti pula item 12 seramai 129 orang. Ini menunjukkan kebanyakan responden bersetuju bahawa pengetahuan isu semasa pendidikan penting kepada bakal guru. Mereka juga sedar akan kepentingan peka terhadap isu semasa pendidikan dan kepentingan mengetahui kandungan keperluan pendidikan negara. Menurut Wan Mohd Zahid Mohd Noordin (1993:106), pendidik perlu sentiasa meningkatkan ilmu pengetahuan umum, tugas penyeliaan dan ilmu-ilmu pendidik profesional ke suatu tahap yang selari dengan segala jenis perkembangan kemajuan dan inovasi dalam masyarakat dunia. Dr. Tajul Ariffin bin Noordin *et al.*(1992:67) pula menyatakan, bagi menghadapi cabaran menjelang tahun 2020, kita memerlukan generasi guru yang benar-benar berwibawa. Kelahiran guruguru yang berwibawa ini akan menjadikan mereka sentiasa mengikuti arus pembangunan negara.

Nilai min ketiga tertinggi pula diperolehi daripada item 7 yang menyatakan bahawa pembacaan yang luas berkaitan isu semasa pendidikan dapat memperkembangkan potensi seseorang individu secara menyeluruh dan bersepadu. Nilai min yang dicatat ialah 4.31. Majoriti responden bersetuju dengan persoalan yang dikemukakan melalui peratusan sebanyak 95.7% iaitu seramai 131 orang dan kurang bersetuju hanya 4.4% iaitu bersamaan 6 responden. Sebagaimana yang kita sedia maklum, melalui pembacaan seseorang akan memperolehi sesuatu input atau pengetahuan yang baru. Hal ini, dapat mewujudkan individu yang berkembang dari segi intelektual dan sentiasa terkedepan dalam mengikuti arus perkembangan semasa. Mortimer Adler dalam Wan Mohd Zahid Mohd Noordin (1993:116), mencadangkan supaya pendidikan seharusnya menumpukan perhatian kepada perkembangan intelek dan kemahiran belajar dengan cara bimbingan dan latihan, latih tubi dan latihan yang selia dengan rapi dalam aktiviti membaca, menulis, mendengar, menyelesaikan masalah, memerhati, mengukur, dan melatih membuat penilaian yang kritikal. Sementara menurut Dr. Tajul Ariffin bin Noordin *et al.* (1992: 73), pembangunan negara yang sempurna hanya akan dapat dicapai sekiranya wargenegara berilmu pengetahuan.

Manakala nilai min yang paling rendah iaitu 3.67 diperolehi pada item 11. Pernyataan ini menunjukkan kebanyakan responden lebih berminat mengetahui isu semasa hiburan berbanding isu semasa pendidikan. Seramai 83 responden iaitu sebanyak 50.5% bersetuju dengan pernyataan item. Manakala 54 responden iaitu 39.4% tidak bersetuju dengan item ini. Penyelidik berpendapat, keadaan ini berlaku disebabkan pengaruh hiburan kini melampaui batas umur dan tahap pendidikan seseorang. Merujuk kepada pernyataan Fariza Md. Sham *et al.*(2000:54), pengaruh hiburan ini membawa impak yang negatif dalam pembinaan sahsiah dan pembentukan minda terutamanya golongan kanak-kanak dan remaja.

Dapatan kajian keseluruhannya menunjukkan responden memberikan respon yang positif berkaitan persepsi mereka terhadap isu semasa pendidikan. Dapatan kajian Ini menjawab persoalan kajian pertama iaitu berkaitan persepsi pelajar berkaitan isu semasa pendidikan.

Perbincangan Mengenai Cara Mendapatkan Maklumat Berkaitan Isu Semasa Pendidikan

Bagi menjawab persoalan kajian kedua iaitu berkaitan cara untuk mendapatkan maklumat berkaitan isu semasa pendidikan, penyelidik telah menyediakan 10 item yang bermula dari item 13 hingga 22. Analisis dapatan kajian bagi persoalan ini menunjukkan min keseluruhan berada di tahap yang tinggi iaitu 3.97.

Min yang tertinggi pada bahagian ini ialah 4.26 iaitu pada item 13. Pada item 13 ini, kebanyakan responden bersetuju mengatakan mereka mendapatkan maklumat isu semasa pendidikan melalui media cetak. Ini dapat dirujuk melalui bilangan responden seramai 130 orang yang bersetuju iaitu sebanyak

94.9%. Manakala hanya 7 orang iaitu 5.1% yang kurang bersetuju dengan cara tersebut. Hal demikian menunjukkan responden lebih berminat mengetahui isu semasa pendidikan melalui majalah, surat khabar atau artikel pendidikan. Ini adalah kerana melalui medium media cetak, responden dapat melakukan pembacaan berulang kali (repeatable) dan mudah untuk memahami sesuatu kandungan berita secara lebih spesifik dan mendalam (<http://periodismoenlinea.wordpress.com/2008/01/29/>).

Secara umumnya, walaupun kecanggihan teknologi telah banyak digunakan dalam menyampai dan menerima atau mendapatkan maklumat, pada kajian ini dilihat responden lebih ramai memilih media cetak sebagai medium untuk mengetahui isu semasa pendidikan. Ini dapat dilihat melalui perbandingan dengan item 14 yang mengatakan pelajar mengakses internet untuk mendapatkan maklumat isu semasa pendidikan mencatatkan min kedua tertinggi. Seramai 121 orang responden (88.4%) bersetuju dan seramai 12 orang responden (8.8%) kurang bersetuju. Bagi responden yang tidak bersetuju bagi pernyataan ini, bilangannya hanya empat orang iaitu sebanyak 2.9%. Min bagi item 14 ialah 4.15. Penyelidik berpendapat, berkemungkinan responden kurang berminat mengakses internet untuk mencari maklumat berkaitan isu semasa pendidikan. Masa mereka dilebihkan kepada 'berchatting', mendownload video, bermain games dan lain-lain lagi yang berbentuk hiburan yang dapat memberi keseronokan dan kepuasan kepada mereka.

Manakala min yang paling rendah adalah pada item 18. Min bagi item tersebut ialah 3.49. Kedudukan nilai min yang rendah pada item ini menunjukkan pelajar kurang mengikuti forum atau diskusi untuk mengetahui perkembangan isu semasa pendidikan. Bilangan responden yang bersetuju adalah seramai 74 orang iaitu 54.0%. Manakala yang tidak bersetuju seramai 19 orang iaitu bersamaan 13.8% dan kurang bersetuju seramai 44 orang iaitu 32.1%. Keadaan ini menunjukkan responden kurang berminat untuk mengikuti program atau aktiviti seumpama itu. Hal ini berkemungkinan juga disebabkan mereka tidak berpeluang dan kurangnya diadakan aktiviti atau rancangan ilmiah seumpama itu di universiti atau tempat-tempat awam yang tertentu. Kebanyakan program-program yang didedahkan pada masyarakat kita kini lebih berbentuk hiburan yang lebih terdorong ke arah perkara-perkara yang negatif dan melalaikan. Dengan ini golongan remaja lebih terdorong dan berminat mengikuti rancangan yang berbentuk hiburan berbanding rancangan berunsur ilmiah dan pengajaran.

Secara keseluruhannya, hasil dapatan bahagian kedua ini menjawab persoalan kajian berkaitan cara mendapatkan maklumat berkaitan isu semasa pendidikan.

Faktor-Faktor Yang Mendorong Kepekaan Terhadap Isu Semasa Pendidikan

Analisis dapatan bagi persoalan kajian yang ketiga menunjukkan purata min keseluruhan berada di tahap yang tinggi iaitu 4.00. Dapatan ini merangkumi 12 item untuk menjawab persoalan kajian yang ketiga. Kesemua item yang diajukan dalam bahagian ini adalah berdasarkan kepada faktor-faktor pada individu responden dan persekitaran di sekeliling mereka.

Berdasarkan perolehan min yang tinggi bagi kesemua 12 item pada bahagian ini, ia menunjukkan responden bersetuju bahawa kebanyakan faktor dalam pernyataan item yang disediakan merupakan faktor-faktor yang mendorong mereka peka terhadap isu semasa pendidikan.

Merujuk kepada item 30, dapatan kajian mendapati seramai 126 responden iaitu sebanyak 92.0% bersetuju dengan item ini. Berdasarkan jumlah bilangan responden tersebut, item 30 telah mencatatkan nilai min yang tertinggi iaitu 4.22. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan responden bersetuju mengatakan kerjaya sebagai guru antara faktor yang mendorong mereka peka terhadap isu semasa pendidikan. Memandangkan Malaysia merupakan salah sebuah negara yang pesat membangun bersama ICT, bidang pendidikan juga turut seiring terbuka luas dalam mempertingkatkan daya saing yang positif dan perkembangan intelektual individu masyarakat. Selaras juga dengan seruan kerajaan yang ingin

mempertingkatkan modal insan, ia memberikan cabaran kepada guru untuk terus bekerja dan bergerak seiring pembangunan negara. Melalui wujudnya kepekaan terhadap perkembangan semasa khususnya berkaitan pendidikan, ia turut menjadikan golongan guru terus berusaha meningkatkan ilmu pengetahuan dalam menyelusuri pembangunan negara. Ini juga bertepatan dengan hasrat KPM untuk membangunkan sistem pendidikan bertaraf dunia dengan tujuan melahirkan modal insan yang berupaya untuk bersaing dalam era yang sangat mencabar.

Selain itu penyelidik juga ingin memberi tumpuan pada item terakhir iaitu item 34 yang mempunyai nilai min kedua tertinggi. Min bagi item ini ialah 4.15. Jika dilihat pada pernyataan item ini yang berkaitan faktor penyediaan tugas membantu mereka mendapatkan maklumat berkaitan isu semasa pendidikan, peratusan persetujuan adalah yang tertinggi iaitu sebanyak 92.0%. Ini menunjukkan selain penggunaan media seperti media cetak, penyediaan tugas juga memberi ruang kepada pelajar untuk lebih bersikap peka terhadap isu semasa pendidikan.

Merujuk kepada analisis dapatan pada item 28 yang berkaitan dengan factor rancangan pendidikan di media elektronik mencatatkan nilai min yang paling rendah iaitu 3.80. Walaupun nilai min mencatatkan paling rendah, namun hanya 11 orang responden iaitu sebanyak 8.1% mengatakan tidak bersetuju. Penyelidik berpendapat hal sedemikian wujud ekoran penyediaan rancangan berbentuk ilmiah atau pendidikan amat kurang berbanding rancangan lain seperti hiburan semasa. Ini juga berikutan, minat masyarakat kita kini khususnya golongan remaja lebih kepada perkara-perkara yang meleakakan seperti menonton rancangan realiti tv yang kini semakin banyak mendapat tempat di programkan. Menurut Shamsaadal Sholeh dan Abdullah dalam Abd Rahim Abd Rashid et al.(2006: 120), media massa sangat luas pengaruhnya dalam kehidupan masa kini. Kecanggihan media elektronik dan media cetak memberi ruang kepada setiap lapisan masyarakat terutamanya remaja untuk mendapatkan hiburan. Ditambah pula dengan penerapan budaya hedonisme dari barat yang begitu banyak mempamerkan dan menerapkan unsur-unsur negatif dalam pemikiran dan perlakuan golongan remaja kita pada hari ini.

Secara keseluruhannya, didapati bahawa responden memiliki persepsi atau pandangan mereka tersendiri terhadap faktor-faktor yang mendorong kepekaan mereka terhadap isu semasa pendidikan. Kebanyakan responden bersetuju dengan pernyataan item yang disediakan pada bahagian ini. Jelaslah bahawa, responden yang dikaji memahami persoalan yang dikemukakan.

Rumusan

Persepsi Pelajar terhadap Isu Semasa Pendidikan:

Majoriti responden kajian memahami dengan baik persoalan kajian yang dikemukakan kepada mereka. Majoriti responden juga mengetahui dan mengakui kepentingan peka terhadap isu semasa pendidikan. Pernyataan berkaitan kepentingan isu semasa menunjukkan nilai min yang tinggi iaitu pada item tiga, empat, enam, sembilan dan sepuluh. Item-item tersebut menjelaskan bahawa pengetahuan isu semasa penting kepada setiap individu dan dalam bidang profesion perguruan.

Walaupun bagaimanapun terdapat responden yang lebih berminat kepada isu hiburan berbanding pendidikan, sedangkan mereka terlibat dalam bidang pendidikan. Min bagi item tersebut merupakan min yang paling rendah pada bahagian persepsi terhadap isu semasa pendidikan ini.

Cara untuk Mendapatkan Maklumat Berkaitan Isu Semasa Pendidikan:

Majoriti responden bersetuju mengatakan cara mendapatkan maklumat isu semasa pendidikan adalah melalui pelbagai cara. Antaranya melalui media cetak, media elektronik, buku-buku di perpustakaan, forum dan lain-lain lagi. Ini menunjukkan cara pelajar mendapatkan sesuatu maklumat berkaitan isu

semasa pendidikan adalah tidak terhad kepada satu medium sahaja. Hanya sebilangan responden mendapatkan maklumat berkaitan pengetahuan semasa pendidikan melalui forum atau diskusi ilmu. Sedangkan kebanyakan responden memperolehi dan mengetahui maklumat semasa pendidikan menerusi medium media cetak.

Faktor Kepekaan Terhadap Isu Semasa Pendidikan:

Faktor-faktor yang mendorong pelajar peka terhadap isu semasa pendidikan bukan hanya melibatkan individu itu sendiri. Malah ia juga melibatkan factor pengaruh kerjaya, media massa, rakan sebaya, keluarga dan persekitaran di sekeliling. Kebanyakan responden bersetuju dengan faktor-faktor yang mendorong mereka peka terhadap isu semasa pendidikan yang telah diutarakan oleh penyelidik. Faktor kerjaya sebagai guru merupakan faktor pendorong utama responden peka terhadap isu semasa pendidikan.

Rujukan

Abdul Raop Dalip (1992). Pendidikan Sepadu dan Hubungannya dengan Pembangunan Ummah. Kuala Lumpur: Al-Islam, Fakulti Pendidikan UKM.

Ahmad Mohd. Salleh (2004). Pendidikan Islam: Falsafah, Sejarah dan Kaedah Pengajaran Pembelajaran. Selangor : Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Dato' Abdul Fatah Hasan (2003). Pengenalan Falsafah Pendidikan. Bentong, Pahang: PTS Publications and Distributors Sdn. Bhd.

Fariza Md. Sham, Sulaiman Ibrahim, Ideris Endot (2000). Dakwah Dan Perubahan Sosial. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.

Hasan Langgulung (1991) Asas-Asas Pendidikan Islam. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia

Hazil Abd Hamid (1990). Sosiologi Pendidikan Dalam Perspektif Pembangunan Negara. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia.

Ibrahim Saad (1986). Isu Pendidikan di Malaysia. KL: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hussien Hj. Ahmad (1993). Pendidikan dan Masyarakat: Antara Dasar, Reformasi dan Wawasan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Najib Abdul Ghafar (1999). Penyelidikan Pendidikan. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.

Mohd Najib Abdul Ghafar (2003). Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.

Mohd Nor Che'Noh (1990). Asas-asas Pendidikan Satu Pengenalan. Kuala Lumpur: Flo Enterprise Sdn. Bhd.

Mohd. Salleh Lebar (1996). Perkembangan dan Haluan Kurikulum Pendidikan Malaysia. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd.

Mohd. Salleh Lebar (2007). Pengenalan Ringkas Sosiologi Sekolah dan Pendidikan. Selangor: Thinker's Library Sdn.Bhd.

Musa bin Daia (1978). Prinsip Am Pendidikan. Kota Bharu: Pustaka Aman Press.

Omar Mohd. Hashim (1993). Pendidikan: Persoalan, Penyelesaian dan Harapan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ralph W.Tyler (1991) Prinsip Asas Kurikulum dan Pengajaran. Terj. Hj Kamaruddin b.Hussin, Hj Hazil b. Hamid Skudai, Johor Bahru: Unit Penerbit Akademik Universiti Teknologi Malaysia.

Shamsaadal Sholeh Saad dan Abdullah Sulaiman (2006). Konflik Remaja Masa Kini dan Cabaran Menanganinya Dlm Abd Rahim Abd Rashid, Sufean Hussin, Jamaluddin Tubah. Institusi Keluarga Menghadapi Cabaran Alaf Baru. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.

S.S Husain dan S.A Ashraf (1989). Krisis Dalam Pendidikan Islam. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.